



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**KEPERLUAN LATIHAN BAGI STAF DI JABATAN MUZIUM DAN  
ANTIKUITI DAN MUZIUM-MUZIUM NEGERI TERPILIH DI MALAYSIA**

**IBRAHIM ISMAIL**

**FPP 1998 88**

**KEPERLUAN LATIHAN BAGI STAF DI JABATAN MUZIUM DAN ANTIKUITI  
DAN MUZIUM-MUZIUM NEGERI TERPILIH DI MALAYSIA**

**Oleh  
IBRAHIM ISMAIL**

**Projek penyelidikan ini disediakan bagi memenuhi sebahagian daripada syarat mendapatkan Ijazah Master Sains (Pembangunan Sumber Manusia) di Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.**

**Mac 1998**



Kertas projek bertajuk "Keperluan Latihan Bagi Staf Di Jabatan Muzium Dan Antikuiti dan Di Muzium-Muzium Negeri Terpilih Di Malaysia" yang disediakan oleh Ibrahim Ismail memenuhi sebahagian daripada syarat mendapatkan Ijazah Master Sains (Pembangunan Sumber Manusia) di Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.

Disahkan oleh



Dr. Shamsuddin Ahmad  
(Penyelia)



---

Dr. Jegak Uli  
(Pemeriksa)

## **PENGHARGAAN**

**Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur kehadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurniaNya juga kajian ini telah dapat disempurnakan. Selawat dan salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad S.A.W.**

**Ucapan terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga ditujukan kepada Penyelia kajian Dr. Shamsuddin bin Ahmad di atas dedikasi dan kesungguhannya memberikan bimbingan dan tunjuk ajar serta dorongan untuk menjayakan kajian ini.**

**Penghargaan juga diberikan kepada Ketua Pengarah Jabatan Muzium Dan Antikuiti Dr. Kamarul Baharin bin Buyong dan Timbalannya Tuan Haji Adi bin Haji Taha di atas galakan dan sokongan padu mereka.**

**Kepada Ketua-Ketua Institusi Muzium dan staf muzium yang telah memberikan kerjasama mereka bagi merealisasikan kajian ini diucapkan setinggi-tinggi terima kasih.**

**Ucapan terima kasih dan penghargaan juga ditujukan kepada Cik Nurhayati bt. Mohamad dan Cik Surainee bt. Wahab yang telah memasukkan data kajian ke dalam komputer. Penghargaan yang serupa juga diberikan kepada mereka yang telah membantu menaip laporan kajian ini sehingga selesai.**



**Akhir sekali kepada ibu tercinta yang telah banyak berjasa, Hafidzah dan anak-anak serta kaum keluarga yang sentiasa memberikan sokongan dan dorongan, setinggi-tinggi penghargaan untuk mereka.**



## JADUAL KANDUNGAN

### MUKA SURAT

PENGHARGAAN .....	iii
JADUAL KANDUNGAN .....	v
SENARAI JADUAL .....	viii
SENARAI RAJAH .....	x
ABSTRAK .....	xi
ABSTRACT .....	xiii

### BAB

I	PENDAHULUAN .....	1
	Pengenalan .....	1
	Latar Belakang Masalah .....	3
	Pernyataan Masalah .....	5
	Objektif Kajian .....	6
	Limitasi Kajian .....	6
	Andaian Kajian .....	7
	Kepentingan Kajian .....	8
	Definisi Istilah .....	9
II	TINJAUAN BAHAN-BAHAN BERTULIS .....	14
	Pendahuluan .....	14

<b>Latihan.....</b>	<b>14</b>
<b>Model-Model Latihan.....</b>	<b>17</b>
<b>Keperluan Latihan .....</b>	<b>23</b>
<b>Analisis Keperluan Latihan .....</b>	<b>26</b>
<b>Kaedah Untuk Menentukan Keperluan Latihan.....</b>	<b>27</b>
<b>Program Latihan Sedia Ada Di Institusi Muzium.....</b>	<b>30</b>
<b>III METODOLOGI .....</b>	<b>33</b>
<b>Lokasi Kajian .....</b>	<b>33</b>
<b>Skop Kajian .....</b>	<b>33</b>
<b>Populasi Dan Sampel Kajian.....</b>	<b>34</b>
<b>Pengumpulan Data.....</b>	<b>36</b>
<b>Instrumen Kajian .....</b>	<b>37</b>
<b>Penganalisisan Data.....</b>	<b>39</b>
<b>Penganalisisan Dokumen .....</b>	<b>39</b>
<b>IV HASIL KAJIAN.....</b>	<b>41</b>
<b>Pengenalan .....</b>	<b>41</b>
<b>Latar Belakang Responden.....</b>	<b>41</b>
<b>Tahap Kemahiran Dan Tahap Pengetahuan.....</b>	<b>49</b>

<b>Pandangan Responden Terhadap Keperluan Latihan Berdasarkan Kumpulan Jawatan .....</b>	<b>56</b>
<b>Sumber-Sumber Latihan .....</b>	<b>65</b>
<b>V RINGKASAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN .....</b>	<b>67</b>
<b>Ringkasan .....</b>	<b>67</b>
<b>Latar Belakang Responden.....</b>	<b>68</b>
<b>Tahap Pengetahuan Dan Tahap Kemahiran .....</b>	<b>70</b>
<b>Pandangan Responden Terhadap Keperluan Latihan .....</b>	<b>71</b>
<b>Sumber-Sumber Latihan .....</b>	<b>72</b>
<b>Kesimpulan .....</b>	<b>72</b>
<b>Cadangan .....</b>	<b>74</b>
<b>RUJUKAN.....</b>	<b>76</b>
<b>LAMPIRAN</b>	

## SENARAI JADUAL

JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
1	<b>Kategori Jawatan Yang Dipilih Sebagai Sampel Kajian .....</b>	<b>35</b>
2	<b>Taburan Responden Mengikut Kumpulan....</b>	<b>42</b>
3	<b>Taburan Responden Mengikut Kategori Umur..</b>	<b>43</b>
4	<b>Taburan Responden Mengikut Kelayakan Akademik Tertinggi .....</b>	<b>44</b>
5	<b>Taburan Responden Mengikut Tempoh Berkhidmat Di Muzium .....</b>	<b>45</b>
6	<b>Taburan Responden Mengikut Pengalaman Kerja Mengikut Kumpulan Jawatan .....</b>	<b>47</b>
7	<b>Taburan Responden Mengikut Latihan Yang Pernah Diikuti Mengikut Kumpulan Jawatan .....</b>	<b>49</b>
8(a)	<b>Taburan Responden Mengikut Tahap Pengetahuan Bagi Kumpulan Kurator Dan Penolong Kurator .....</b>	<b>50</b>
8(b)	<b>Taburan Responden Mengikut Tahap Pengetahuan Bagi Kumpulan Pembantu Muzium .....</b>	<b>52</b>
8(c)	<b>Taburan Responden Mengikut Tahap Pengetahuan Bagi Kumpulan Pembantu Am Rendah .....</b>	<b>53</b>
9(a)	<b>Taburan Responden Mengikut Bidang Tugas Utama Dan Tahap Kemahiran Bagi Kumpulan Kurator Dan Penolong Kurator.....</b>	<b>54</b>

JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
9(b)	<b>Taburan Responden Mengikut Bidang Tugas Utama Dan Tahap Kemahiran Bagi Kumpulan Pembantu Muzium.....</b>	<b>55</b>
9(c)	<b>Taburan Responden Mengikut Bidang Tugas Utama Dan Tahap Kemahiran Bagi Kumpulan Pembantu Am Rendah.....</b>	<b>56</b>
10	<b>Taburan Responden Mengikut Keinginan Terhadap Bidang Latihan Lain Yang Tidak Berkaitan Dengan Tugas Bagi Kumpulan Kurator Dan Penoiong Kurator .....</b>	<b>63</b>
11	<b>Taburan Responden Mengikut Keinginan Terhadap Bidang Latihan Lain Yang Tidak Berkaitan Dengan Tugas Bagi Kumpulan Pembantu Muzium.....</b>	<b>64</b>
12	<b>Taburan Responden Mengikut Keinginan Terhadap Bidang Latihan Lain Yang Tidak Berkaitan Dengan Tugas Bagi Kumpulan Pembantu Am Rendah.....</b>	<b>65</b>

## **SENARAI RAJAH**

<b>RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1	<b>Proses Latihan</b> .....	<b>15</b>
2	<b>Taburan Responden Mengikut Pendekatan Latihan Yang Diingini Mengikut Kumpulan Jawatan</b> .....	<b>58</b>
3	<b>Taburan Responden Mengikut Tempoh Latihan Yang Disanggupi Mengikut Kumpulan Jawatan</b> .....	<b>60</b>
4	<b>Taburan Responden Mengikut Peringkat Latihan Yang Disanggupi Mengikut Kumpulan Jawatan</b> .....	<b>62</b>

## **ABSTRAK**

**Abstrak kertas projek ini dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat bagi mendapatkan Ijazah Master Sains.**

### **KEPERLUAN LATIHAN BAGI STAF DI JABATAN MUZIUM DAN ANTIKUITI DAN MUZIUM-MUZIUM NEGERI TERPILIH DI MALAYSIA**

**Oleh :**

**Ibrahim Ismail**

**Mac 1998**

**Penyelia : Dr. Shamsuddin Ahmad**

**Fakulti : Pengajian Pendidikan**

**Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti keperluan latihan bagi staf di Jabatan Muzium Dan Antikuiti dan muzium-muzium negeri terpilih di Malaysia. Objektif khusus kajian ini ialah untuk mengenalpasti bidang latihan yang diperlukan bagi empat kategori jawatan iaitu Kurator, Penolong Kurator, Pembantu Muzium dan Pembantu Am Rendah. Di samping itu ia juga bertujuan untuk mengenalpasti tahap pengetahuan dan tahap kemahiran terhadap bidang tugas utama serta mengenalpasti sumber yang ada dan sumber yang diperlukan untuk latihan bagi staf muzium di masa hadapan.**



**Seramai 268 responden telah dijadikan sampel dalam kajian ini dan seramai 109 responden yang terdiri daripada 18 orang Kurator dan Penolong Kurator, 41 orang Pembantu Muzium dan 50 orang Pembantu Am Rendah telah memulangkan borang soal selidik. Data dianalisis dengan menggunakan program “Statistical Package For The Social Sciences ” (SPSS) dan dibentangkan dalam bentuk kekerapan, min dan peratusan.**

**Hasil kajian ini menunjukkan Kurator, Penolong Kurator, Pembantu Muzium dan Pembantu Am Rendah mempunyai tahap pengetahuan dan tahap kemahiran yang sederhana terhadap bidang tugas utama mereka. Dengan demikian, latihan-latihan berkaitan telah dikenalpasti untuk mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka.**

**Berdasarkan kajian ini juga, didapati staf muzium mempunyai pandangan yang positif terhadap keperluan latihan. Mereka juga memerlukan latihan lain yang tidak berkaitan secara langsung dengan bidang tugas mereka seperti kursus bina negara, keusahawanan, keagamaan dan sebagainya.**

**Manakala dari segi sumber-sumber latihan pula, kajian ini mendapati bahawa sumber manusia, kewangan dan kemudahan fizikal bagi melaksanakan latihan adalah di peringkat tidak mencukupi. Sehubungan dengan ini beberapa cadangan telah dikemukakan bagi mengatasi masalah-masalah yang berhubungkait dengan perkara ini.**

## **ABSTRACT**

**The abstract of this project paper is presented to the senate of the University Putra Malaysia as a partial requirement for obtaining the Masters of Science.**

### **TRAINING NEEDS OF THE STAFF OF THE DEPARTMENT OF MUSEUMS AND ANTIQUITIES AND THE SELECTED STATE MUSEUMS IN MALAYSIA**

**By :**

**Ibrahim Ismail**

**Mac 1998**

**Supervisor : Dr. Shamsuddin Ahmad**

**Faculty : Educational Studies**

**The purpose of this study was to identify the training needs of the staff of the Department of Museums and Antiquities and the selected state museums in Malaysia. The specific objectives of this study were to identify the training needs of the four categories of the staff of the Department of Museums and Antiquities and the selected state museums namely Curators, Assistant Curators, Museum Assistants and Junior General Assistants (security guards). In addition, this study also intended to identify the level of knowledge and skills**



**related to the staff main responsibilities as well as to identify the resources available and the resources needed for the future training of the personnel.**

**A total of 268 respondents were included in this study and 109 of them which consist of 18 Curators and Assistant Curators, 41 Museum Assistants and 50 Junior General Assistants returned the questionnaires. The data were analysed using the "Statistical Package For The Social Sciences" programme and presented in the form of percentage, mean and mode.**

**This study revealed that Curators, Assistant Curators, Museum Assistants and Junior General Assistants possess average level of knowledge and skills related to their main responsibilities. Thus, suitable trainings were identified for them to enable them to upgrade their level of knowledge and skills..**

**Based on the finding of this study, it was found that the staff viewed training positively and they also need training on the subjects which were not directly related to their job such as the courses on nation building, entrepreneurial, religious, etc.**

**The study also revealed that the training resources particularly human resources, financial resources and the physical facilities to implement training programs were insufficient. Thus several suggestions were put forward to overcome these problems.**



## **BAB I**

### **PENDAHULUAN**

#### **Pengenalan**

Aktiviti muzium di Malaysia telah bermula sejak 1883 apabila pemerintah British menubuhkan Muzium Perak di Taiping. Dalam tahun 1888 Muzium Sarawak pula ditubuhkan di Kuching oleh Raja Sarawak II, Sir Charles Brooke. Berikutnya negeri Selangor juga menubuhkan Muzium Selangor dalam tahun 1907. Dalam tahun 1910 pengurusan Muzium Perak dan Muzium Selangor disatukan di bawah Jabatan Muzium Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Walau bagaimanapun, pengurusan kedua-dua muzium ini dipisahkan semula sebagai satu langkah di bawah program desentralisasi oleh pemerintah British.

Pada 10 Mac, 1945 di saat akhir perang sebahagian daripada Muzium Selangor telah roboh terkena bom akibat kesilapan yang dilakukan oleh juruterbang tentera udara berikat dan sebahagian besar artifak musnah. Berikutnya daripada itu pada tahun 1959, kerajaan melantik seorang arkitek untuk membuat rekabentuk sebuah bangunan khas sebagai Muzium Negara dan ianya telah dibuka secara rasmi pada 31 Ogos 1963.

Kini, Institusi Muzium di Malaysia tumbuh dan berkembang dengan pesat. Di samping Muzium-Muzium Persekutuan yang terletak di bawah pentadbiran Jabatan Muzium Dan Antikuiti, terdapat muzium-muzium negeri di bawah pentadbiran kerajaan negeri masing-masing, muzium-muzium jabatan

dan institusi di bawah pentadbiran jabatan-jabatan dan institusi tertentu dan seterusnya muzium-muzium swasta yang ditubuhkan oleh pihak swasta.

Selaras dengan fungsi muzium dan sejarah dengan kepesatan pertumbuhan dan perkembangan muzium serta ekspektasi masyarakat terhadap perkhidmatan yang ditawarkan oleh muzium, maka keperluan latihan adalah begitu tinggi terutamanya di dalam menyediakan staf terlatih dan berkemahiran di dalam pelbagai bidang tugas dan aktiviti permuziuman. Tambahan pula sekarang ini kebanyakan muzium mengenakan bayaran masuk dan bayaran-bayaran lain ke atas perkhidmatan yang disediakannya, maka ekspektasi masyarakat ke atas muzium amatlah tinggi.

Bagi menyediakan staf yang berpengetahuan dan berkemahiran serta mempunyai sikap yang positif di dalam organisasi muzium dan bagi memenuhi ekspektasi masyarakat ini, latihan sebelum perkhidmatan dan semasa perkhidmatan merupakan aktiviti penting yang perlu diberikan kepada staf permuziuman demi menjamin perkhidmatan yang terbaik dan berkualiti .

Kejayaan sesebuah organisasi banyak bergantung kepada para pekerjanya. Oleh yang demikian, kebanyakan organisasi menganggap pembangunan sumber manusia sebagai satu usaha pelaburan penting ke arah pembangunan organisasi. Demi mencapai matlamat ini, kaedah yang paling utama dalam pembangunan sumber manusia ialah melalui pemberian latihan.

Bagi staf muzium, di antara lain latihan dijalankan bagi memenuhi keperluan serta pra-syarat untuk pengesahan ke dalam jawatan, meningkatkan pengetahuan dan kemahiran di dalam sesuatu bidang kerja yang dijalankan, kenaikan pangkat, pertukaran bidang kerja atau tugas dan juga bagi tujuan perubahan sikap.

### **Latar Belakang Masalah**

Setiap pengurus organisasi bertanggungjawab meningkatkan prestasi pekerja-pekerjanya untuk kebaikan dan perkembangan organisasi. Organisasi seperti juga manusia, perlu sentiasa dijaga, dipertahankan dan dipertingkatkan nilai asetnya. Salah satu aset ternilai organisasi, malah ada yang menganggapnya sebagai aset yang paling bernilai ialah sumber manusia. Boleh dikatakan sumber manusia atau pekerjaalah yang menentukan kualiti dan kecemerlangan sesebuah organisasi.

Cara yang paling berkesan di dalam usaha meningkatkan mutu sumber manusia di dalam sesuatu organisasi ialah melalui latihan. Latihan merupakan pelaburan yang sangat baik bagi organisasi sama ada organisasi kecil, organisasi sederhana mahupun organisasi besar. Di dalam hubungan ini organisasi muzium juga tidak terkecuali.

Walau bagaimanapun, sehingga kini latihan bagi staf di Institusi Muzium merupakan sesuatu yang kurang diberikan keutamaan. Latihan-

latihan diadakan kebanyakannya secara ad-hoc dan tidak menepati keperluan latihan sebenar.

**Staf di Institusi-Institusi Muzium juga dihantar mengikuti latihan-latihan sama ada di dalam bidang permuziuman mahupun bidang-bidang lain yang berkaitan. Walau bagaimanapun ini juga berlaku secara tidak terancang.**

Oleh kerana bidang tugas permuziuman memerlukan staf yang berpengetahuan dan berkemahiran maka ketiadaan latihan yang sistematik ini mengakibatkan pelaksanaan kerja tidak menepati kehendak atau standard yang ditetapkan. Jika fenomena ini berterusan maka tugas dan tanggungjawab Institusi Muzium untuk memelihara dan mengekalkan warisan sejarah dan budaya negara serta menyebarkan pengetahuan mengenai sejarah, budaya dan alam semula jadi negara kita semakin hari akan semakin merosot.

Oleh yang demikian, di samping memperbanyak sumber manusia di Institusi-Institusi Muzium bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang ditetapkan, sumber manusia yang dimiliki ini juga mesti dipastikan mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang jitu supaya kerja-kerja yang mengikut standard dan berkualiti dapat dihasilkan. Di dalam konteks ini, latihan semestinya diberikan penekanan dan keutamaan.

## Pernyataan Masalah

Institusi Muzium di Malaysia tumbuh dan berkembang dengan pesat. Dengan kepesatan pertumbuhan dan perkembangan muzium ini staf yang berpengetahuan dan berkemahiran di dalam pelbagai bidang tugas pemuziuman serta mempunyai sikap positif di dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab amat diperlukan.

Oleh kerana bidang tugas pemuziuman adalah berbagai seperti menjalankan penyelidikan (sejarah, kebudayaan, sains. alam semula jadi, arkeologi) pengumpulan koleksi, pengekalan monumen dan tapak-tapak bersejarah, konservasi, penyediaan pameran-pameran tetap dan pameran-pameran khas, penyediaan program-program awam, penguatkuasaan undang-undang dan tugas-tugas lain lagi, maka latihan adalah penting. Namun begitu, keperluan latihan tidak dikaji maka timbulah berbagai masalah seperti kurang pengetahuan, kurang kemahiran dan juga masalah sikap yang boleh dihubungkaitkan dengan keperluan latihan.

Di dalam hubungan ini, latihan merupakan suatu perkara penting yang perlu dititik beratkan oleh Institusi Muzium di dalam memastikan aktiviti-aktiviti pemuziuman dapat dilakukan secara profesional serta mencapai tahap kualiti yang ditetapkan.

Oleh yang demikian, keperluan latihan yang sebenarnya mesti dikaji dan diketahui supaya program latihan yang sebenarnya diperlukan dapat disediakan secara teratur.

#### **· Objektif Kajian**

Objektif am kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti keperluan latihan bagi staf di Jabatan Muzium Dan Antikuiti dan muzium-muzium negeri terpilih selaras dengan perkembangan Institusi Muzium di Malaysia dan keperluan kepada sumber manusia terlatih dan berkualiti. Manakala objektif khusus kajian ini ialah :

1. Untuk mengenalpasti tahap pengetahuan dan tahap kemahiran kerja yang dimiliki oleh staf permuziuman.
2. Untuk mengenalpasti bidang latihan yang diperlukan oleh staf permuziuman iaitu Kurator, Penolong Kurator, Pembantu Muzium dan Pembantu Am Rendah ( Pengawal Keselamatan).
3. Untuk mengenalpasti sumber yang ada dan sumber yang diperlukan untuk latihan bagi staf permuziuman di masa hadapan..

#### **Limitasi Kajian**

Kajian ini terbatas kepada staf di Jabatan muzium Dan Antikuiti dan tiga buah muzium negeri terpilih iaitu Muzium Negeri Terengganu, Muzium Di Raja Abu Bakar dan Muzium Negeri Kedah. Keadaan ini disebabkan oleh

**beberapa faktor termasuklah faktor masa, kewangan dan komitmen penyelidik dengan tugas-tugas rasmi di jabatan.**

**'Dari segi masa, penyelidik hanya diberikan tempoh kira-kira tiga bulan sahaja dan tempoh sebegini singkat tidak mencukupi untuk melibatkan lebih banyak Institusi Muzium di dalam kajian.**

**Dari segi kewangan pula, segala pembiayaan kajian ditanggung sendiri oleh penyelidik, dengan itu jika lebih banyak institusi muzium dilibatkan maka kosnya akan semakin tinggi.**

**Pengkaji sendiri pula mempunyai pelbagai komitmen kerja dan dengan demikian tumpuan sepenuh masa tidak dapat diberikan di dalam melaksanakan kajian ini. .**

### **Andaian Kajian**

**Beberapa andaian telah dibuat bagi kajian ini iaitu muzium memerlukan kajian keperluan latihan kerana kajian seumpama ini tidak pernah dibuat sebelum ini. Tambahan pula penilaian tentang sesuatu aspek bidang kerja yang dilaksanakan oleh staf adalah penting untuk memastikan sama ada ianya perlu diperbaiki melalui pemberian latihan ataupun tidak. Di samping itu, staf muzium perlu berpengetahuan dan berkemahiran di dalam sesuatu bidang kerja yang dipertanggungjawabkan kepada mereka. Demi merealisasikan keadaan ini maka kajian keperluan latihan perlu dilakukan.**

## Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan ini amat penting sama ada dari segi teori ataupun praktis terutamanya di dalam konteks Institusi Muzium. Dari segi teori, hasil kajian ini akan dapat menambahkan lagi ilmu pengetahuan di dalam bidang analisis keperluan latihan.

Dari segi praktis pula, hasil kajian ini akan dapat memberikan manfaat di mana dengan adanya kajian ini, Institusi Muzium di negara ini akan mendapat gambaran jelas tentang latihan dan kepentingan di dalam memantapkan kualiti sumber manusia di muzium. Kajian ini juga boleh menjadi panduan kepada pihak pengurusan di Institusi Muzium di dalam merancang dan menyediakan program latihan secara lebih berkesan. Tambahan pula sebelum ini kajian sebegini di Institusi Muzium di Malaysia belum pernah dilakukan. Di samping itu, hasil kajian ini juga boleh menjadi asas pertimbangan untuk Institusi Muzium mewujudkan institusi latihan sendiri bagi memenuhi keperluan penyediaan program-program latihan secara sistematik dan profesional. Dengan ini Institusi Muzium juga boleh mengurangkan kos bagi menghantar stafnya untuk mengikuti latihan di tempat lain dan program-program latihan juga boleh diperbanyak selaras dengan keperluan yang ada.

## **Definisi Istilah**

### **1. Muzium**

Muzium merupakan institusi yang tertua di dunia. Sejarah kewujudannya agak menarik dan berbeza di antara sebuah muzium dengan muzium yang lain. Sejak berabad lamanya para pendokong muzium cuba mendefinisikan muzium berdasarkan kepada objektif penubuhannya dan aktiviti yang dijalankan. Namun demikian adalah sukar untuk menetapkan satu definisi khusus mengenai muzium. Dalam hal ini pihak UNESCO melalui badan bukan kerajaannya, Majlis Muzium Antarabangsa (International Council of Museums) telah membuat satu rumusan untuk memberikan takrif muzium bagi memenuhi kehendak muzium di zaman moden ini. Definisi yang dirumuskan ialah :

“A museum is a non-profit making, permanent institution in the service of society and of its development, and open to the public, which acquires, conserves, communicates and exhibits, for purposes of study, education and enjoyment, material evidence of man and environment.” (Md. Redzuan Tumin, 1996. m.s. 15 ).

Berdasarkan definisi tersebut pihak ICOM telah menggolongkan tempat dan agensi berikut juga sebagai muzium :

- i. Galeri-galeri pameran tetap, Arkib, perpustakaan, Galeri Seni, Institut konservasi, Zoo, Taman Negara dan yang seumpama dengannya.

ii. Monumen/bangunan bersejarah, tapak tanah bersejarah dan tapak arkeologi.

Dalam konteks Malaysia, definisi muzium yang dirumuskan oleh pihak ICOM ini boleh diubahsuai mengikut keperluan dan bidang kuasa Institusi Muzium sekarang. Definisi ini boleh dirumuskan seperti berikut :

**“Muzium ialah sebuah institusi yang bukan bertujuan mencari keuntungan, dibuka kepada orang ramai, yang mengumpul, memelihara, menyelidik dan menyebarkan ilmu pengetahuan mengenai bukti-bukti sejarah, kebudayaan dan alam semula jadi” (Md. Redzuan Tumin, 1996 m.s. 16 ).**

**Agensi-agensi yang tergolong di dalam definisi tersebut hanya agensi yang menjalankan secara langsung aktiviti muzium dan mempunyai bangunan khas yang dinamakan “Muzium”.**

**Di dalam konteks Malaysia, muzium dapat dikategorikan kepada empat jenis:**

i. **Muzium Persekutuan**

**Muzium Persekutuan adalah muzium-muzium yang terletak dibawah pentadbiran Jabatan Muzium Dan Antikuiti iaitu Muzium Negara, Muzium Perak, Muzium Sejarah Nasional, dan Muzium Arkeologi Lembah Bujang.**